

NOTA SEJARAH TAHUN 4 (SEJARAH TEMPAT TINGGAL)

1. Tempat tinggal merupakan keperluan asas manusia.
2. Unit ini menceritakan maklumat lengkap tentang:
 - i. mengenai tempat tinggal.
 - ii. bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal.
 - iii. sejarah tempat tinggal.
 - iv. tokoh setempat.

MENGENAL TEMPAT TINGGAL SAYA

1. Mesti mempunyai alamat rumah yang lengkap. Ciri-ciri alamat rumah yang lengkap ialah:
 - i. Mempunyai nombor rumah
 - ii. Mempunyai nama jalan
 - iii. Mempunyai nama Kampung/Taman
 - iv. Mempunyai Poskod
 - v. Mempunyai nama bandar
 - vi. Mempunyai nama negeri

Contoh Alamat

No. 14,
Jalan Tiram 17/B,
Taman Saujana,
81800 Johor Bahru,
Johor.

2. Lokasi tempat tinggal saya.
 - Lokasi tempat ialah kedudukan atau letaknya sesuatu tempat dengan menyatakan petunjuk yang penting. Contoh mercu tanda yang berhampiran dengan tempat tinggal anda.
3. Pesekitaran tempat tinggal.
 - Keindahan dan sesuatu yang menarik di kawasan tempat tinggal kita.
4. Tokoh yang terdapat atau tinggal di kawasan tempat tinggal kita. Tokoh yang ada boleh dikategorikan seperti berikut:
 - i. Tokoh dalam bidang politik- contohnya ‘Wakil Rakyat, Menteri dll)
 - ii. Tokoh dalam bidang Akademik – contohnya “ Profesor, Pensyarah, Guru, Ustaz dll
 - iii. Tokoh dalam bidang Perniagaan - contohnya ‘ Ahli Perniagaan yang berjaya’ dll..

5. Bentuk muka bumi di kawasan tempat tinggal kita. Antara bentuk muka bumi di negara kita ialah :
 - i. Kawasan Tanah Patah- Iaitu kawasan yang rata, tidak berbukit tinggi..
 - ii. Kawasan Tanah tinggi – Iaitu kawasan yang berbukit dan bergunung-ganang
 - iii. Kawasan Pinggir Sungai – Kawasan yang berhampiran dengan sungai
 - iv. Kawasan Pesisir Pantai – Kawasan yang berhampiran dengan laut.
 - v. Kawasan Pulau – Kawasan yang dikelilingi oleh air laut. contohnya Pulau Langkawi.

TUGASAN ANDA

1. Salin nota di atas dalam buku nota sejarah anda.
2. Buat satu catatan yang lengkap berkaitan “Tempat tinggal Anda.” Catatan ini mestilah lima ciri-ciri yang terdapat dalam nota di atas.
3. Salin nota Cinta Akan Negara dari buku teks muka surat 57
4. Salin soalan dan jawab latihan dari buku teks muka surat 56